# Tindakan Amerika umpama curah minyak dalam api — PM

Oleh YUSRI SAHAT

UM 7 OCT 2002

KUALA LUMPUR 6 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tindakan Amerika Syarikat (AS) mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel umpama 'mencurah minyak ke dalam api' kerana ia akan meningkatkan lagi kemarahan umat Islam.

Perdana Menteri menegaskan, tindakan AS itu tidak akan membantu untuk menyelesaikan masalah keganasan sebaliknya mengundang lebih banyak masalah kepada dunia.

"Ia tidak akan membantu. Anda seperti mencurah minyak ke dalam api. Ini akan meningkatkan lagi kemarahan masyarakat dunia," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung PPP Ke-49 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan Presiden AS, George W. Bush yang membangkitkan kemarahan umat Islam dan Arab pada 30 September lalu apabila menandatangani rang undang-undang yang mengkehendaki pentadbiran AS mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, AS sebenarnya bukan mencari punca keganasan sebaliknya menambah ruang yang boleh menyebabkan berlakunya keganasan.

● **Baitulmaqdis ibu negara Palestin dimeterai — Muka 17**

"Dia (AS) bukan merawat tetapi memperbanyakkan lagi punca keganasan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, pemulihan ekonomi dunia akan turut terbantut berikutan tindakan provokatif AS yang menimbulkan kemarahan umat Islam itu.

"Tindakan AS itu akan merencatkan lagi pemulihan ekonomi dunia," jelasnya.

Apabila berlaku keganasan, kata beliau, banyak pihak di dunia akan menderita apabila segala urusan termasuk perniagaan tidak dapat dijalankan.

"Perjalanan semakin sukar. Perniagaan tidak boleh dijalankan. Pendek kata semua pihak akan menderita," tegasnya.

Ditanya langkah AS yang akan bertindak sendirian dalam menangani isu-isu tertentu, katanya, ia merupakan satu perkara yang malang apabila tidak ada negara yang menyokongnya.

Mengulas mengenai peranan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam menangani isu Palestin, kata beliau, badan itu sebenarnya telah lumpuh.

Tegasnya, tiada apa yang boleh dilakukan memandangkan dua daripada lima kuasa besar yang mempunyai kuasa veto dalam badan dunia itu ialah AS dan Britain.

"Tiada apa yang boleh dilakukan oleh Majlis Keselamatan. Ia sebenarnya telah lumpuh.

Mengulas sama ada perlu kuasa veto itu dihapuskan, Dr. Mahathir berkata: "Saya rasa kita perlu lupakan apa yang berlaku 50 tahun lalu."

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata, pihaknya akan bertemu dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim mengenai cadangan kerajaan untuk menubuhkan satu badan pemantau bagi memastikan polis segera menyiasat setiap aduan.

Menurut Dr. Mahathir, langkah itu agak sukar dilaksanakan memandangkan polis menerima terlalu banyak laporan setiap hari.

"Kadang-kadang siasatan mengambil masa kerana ada kesulitan tertentu. Polis (pula) terima banyak laporan. Mereka perlu memberi keutamaan kepada laporan tertentu," katanya.